

GARIS PANDUAN DASAR PENGASINGAN SAMPAH DI PUNCA

KATEGORI KAMPUNG

1. PERANAN PEMUNYA/PENGHUNI

- a) Pemunya/penghuni hendak memastikan sampah diasingkan mengikut sampah yang boleh dikitar semula dan sampah yang tidak boleh dikitar semula.
- b) Menghantar sampah yang boleh dikitar semula ke pusat pengumpulan.

2. PERANAN PELAKSANA

- a) Menubuhkan Jawatankuasa Kecil Kitar Semula.
- b) Mengenalpasti, mengurus dan menyelenggara pusat pengumpulan.
- c) Memastikan sampah kitar semula di kawasan pentadbiran dikutip dan diuruskan dengan sewajarnya secara berjadual.
- d) Melantik seseorang untuk mengasingkan sampah kitar semula di pusat pengumpulan mengikut jenis.
- e) Melantik mana-mana perkhidmatan pemungut kitar semula yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016 bagi memungut sampah kitar semula.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- a) Pemunya/Penghuni menghantar sampah kitar semula ke pusat pengumpulan; atau
- b) Jawatankuasa Kecil Kitar Semula/Pelaksana sendiri memungut sampah kitar semula daripada premis.